



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**18 OGOS 2022 (KHAMIS)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**18 OGOS 2022 (KHAMIS)**

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 21

# Gerai nasi ayam tiada sijil halal disiasat

Tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati bersalah

KUALA LUMPUR

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung dua'gerai nasi ayam yang didakwa mengambil bekalan makanan itu dari restoran bukan Muslim seperti tular di media sosial baru-baru ini.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Rosol Wahid berkata,

siasatan terperinci dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati bersalah.

Rosol berkata, pihaknya telah menghubungi KPDNHEP Cawangan Pulau Pinang dan mendapati tiada kesalahan di premis berkenaan berdasarkan bidang kuasa di bawah kementerian itu.

"Menjadi kesalahan apabila kedai itu 'menulis' makanan dijual di kedai halal namun produknya tidak."



BOSON

halal. Bagaimanapun, kita akan lakukan siasatan lanjut bersama Jakim berhubung isu berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri perasmian Kopi Merdeka Tealive di Pavilion di sini pada Rabu.

Hasil siasatan  
Jabatan Hal Ehwal  
Agama Islam Pulau  
Pinang (JHEAIPP)

bersama Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Pulau Pinang mendapat makanan itu dimasak di cawangan Persiaran Gurney sebelum dibawa untuk dijual di premis di Sungai Ara yang tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Rosol menasihati pengguna agar peka dalam memperoleh produk halal dengan melakukan periksaan terhadap ketersediaan sijil halal dan kebersihan premis sebelum melakukan pembelian.

Dalam pada itu, Rosol menyeru peniaga menurunkan harga jualan makanan memandangkan harga ayam kembali stabil.

"Sudah tidak ada alasan untuk mereka (peniaga)kekalkan harga lama tetapi sehingga hari ini kita dapat mereka amat degil untuk menurunkan harga tersebut. Jadi kita telah cari jalan dan periksa, mungkin ada pencatutan dan sebagainya," katanya. - Bernama

## Kedai nasi ayam tular disiasat

Pemilik pekerja diam-bil keterangan berikutkan dakwaan ambil bahan masakan deripada restoran kedai Islam

**P**ossible haber nazi soyul  
ve 1938'de Hitler'in istemeleri  
Görögler'in istemeleri  
bu muhtemel çatışmalar  
sebebiyle 1938'de, çok sayıda  
Göröglerin İngiltere'ye göç etmesi  
başlamıştı.

### Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

## Kebenaran eksport ayam dipertimbang - Annuar

**PUTRAJAYA** - Kebenaran mengeksport ayam akan dipertimbang selepas bekalan dalam negara untuk rakyat tidak terjejas bagi memastikan harga bahan mentah itu dapat dikawal, kata Pengurus Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata pada masa sama, isu membabitkan pembeiran subsidi kepada penternak bagi membolehkan ayam standard dijual pada harga siling rungit RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia juga perlu diperhalusi.

"Jadi isunya kita tidak boleh tangani hanya soal eksport, kita kena tangani juga soal selama mana subsidi itu nak dikekalkan.

"Kalau kita tiba-tiba terus membenarkan eksport dan pada masa yang sama ditamatkan subsidi maka harga ayam akan

melambung sekali lagi," katanya dalam sidang media di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bahawa kabinet akan memuktamad keputusan pada Rabu sama ada membenarkan semula penternak mengeksport ayam atau sebaliknya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu berkata, kabinet ada membincangkan isu kebenaran mengeksport ayam dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengumakukan beberapa



ANNUAR

syor.

Beliau berkata, keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 70 juta ekor sebulan atau kira-kira 2.2 juta ekor sehari dan walaupun dikatakan bekalan melebihi keperluan ketika ini iaitu kira-kira 3.5 juta ekor namun kerajaan hanya akan membenarkan eksport jika ia tidak menjelaskan keperluan domestik.

"Demi untuk menjaga kepentingan rakyat kerana ayam sudah boleh dianggap sebagai satu keperluan asas bagi semua keluarga, kerajaan akan hanya buat keputusan selepas semua perkara diteliti dan satu kaedah akan diperkenal kalau sekiranya

nanti ayam hendak dieksport.

"Jadi jawatankuasa jihad akan lihat perkara ini dan nantinya bila dah ada satu pendekatan, barulah mungkin Kementerian Pertanian dan Industri Makanan boleh membawa semula kepada jemaah menteri untuk diputuskan," katanya.

Annuar juga berkata, Pasukan Jihad Tangani Inflasi telah mengarahkan Jabatan Perangkaan untuk membuat kajian bagi menetapkan kos sebenar ayam di peringkat ladang.

Beliau berkata, kaedah itu sama seperti yang dilakukan untuk menetapkan harga siling minyak masak tulen kemasan botol dan kerajaan telah mengambil kira harga komoditi sawit dari pelbagai sudut sebelum menetapkan harga munasabah yang perlu dibayar oleh rakyat. - Bernama

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 14

## Penternak ayam kurangkan stok elak kerugian

**Johor Bahru:** Penternak ayam mula mengurangkan stok di ladang kerana bekalan ayam segar kini berlebihan hampir 20 peratus di pasaran tempatan.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata pengurangan jumlah ayam di ladang dilakukan hampir di semua 91 ladang dan reban di negeri itu bagi mengelakkan penternak kerugian.

Katanya, sebelum ini, penter-

nak meningkatkan bilangan ternakan ayam selepas diberikan maklumat kerajaan akan menarik semula larangan pengekspor ayam segar akhir bulan laju.

"Bulan lalu, penternak mula meningkatkan ternakan dengan harapan dapat dieksport ke pasaran luar, terutama Singapura. Namun, Maklumat awal kononnya larangan eksport ayam akan berakhir 31 Julai lalu ternyata tidak benar.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat kenyataan, sekatan itu masih terus berjalan sehingga kini menyebabkan berlaku lebihan bekalan ayam segar di pasaran.

### Harga jatuh menujunam

"Keadaan ini juga menyebabkan harga dari ladang jatuh menujunam kepada RM4.40 sekilogram (kg), berbanding harga siling ladang ditetapkan kerajaan iaitu

RM6.40 kg.

"Bagi mengelakkan lebih banyak kerugian, penternak mengambil keputusan untuk menurunkan ternakan ayam di ladang bagi memastikan ia tidak berlebihan di pasaran," katanya.

Sebelum ini, penternak serta pemilik syarikat pembekalan ayam melahirkan keimbangan berikutnya kekurangan maklumat balas dan percanggahan maklumat daripada kerajaan, terhadap tarikh larangan eksport ayam se-

gar ditarik semula.

Dalam pada itu, Ka Leng berkata, pembekal luar terutama dari Singapura juga sudah bersedia membuat pesanan ayam segar berdasarkan maklumat awal untuk inenarik balik larangan eksport ayam.

"Pembekal Singapura sebelum ini memesan 120,000 ekor ayam segar sehari yang dibekalkan 91 ladang ternakan di negeri ini, jumlah purata sebulan mencecah 3.6 juta ekor ayam," katanya.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 4



ANGGOTA KPDNHEP dan PPM menunjukkan minyak masak peket satu kilogram yang dimuatkan dalam lori yang ditahan.

## Cubaan seludup minyak masak peket RM6.8k gagal

**Kota Bharu:** Sebanyak 2.72 tan minyak masak peket bersubsidi bernilai RM6,800 dirampas pada operasi bersepadu di sekitar Peringat di sini, jam 3 petang kelmarin, sebelum sempat ia diseludup ke negara jiran.

Terdahulu, lori dinaiki dua lelaki tempatan itu diekor selama kira-kira 20 minit sebelum ditahan selepas dilihat dipandu dalam keadaan mencurigakan dari arah Pauh Lima, Bachok.

Operasi itu dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor serta Tok Bali.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan Aswadi Jaafar berkata, pemandunya gagal mengeluarkan dokumen pemilikan barang kawalan itu ketika diminta berbuat demikian.

"Kami syak minyak masak paket itu akan dihantar ke stor transit sementara di sekitar sempadan sebelum diseludup ke negara jiran.

"Pemandu serta kelindan berusia 40-an dan 50-an ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki memiliki barang kawalan tanpa lesen dengan niat melakukan kesalahan," katanya pada kenyataan, semalam.



Anggota KPDNHEP dan PPM menunjukkan minyak masak peket bersubsidi yang dirampas dalam operasi bersepodu, di Kota Bharu, petang kelmarin.  
(Foto ihsan KPDNHEP)

## 2 ditahan, lori bawa 2,720kg minyak masak peket disita

**Kota Bharu:** Dua lelaki ditahan, manakala lori yang sarat dengan muatan 2,720 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi disita dalam satu operasi bersepodu, di sini, petang kelmarin.

Penahanan dibuat sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor serta Tok Bali, pada jam 3 petang selepas terlihat lori jenis Isuzu dipandu dalam keadaan mencurigakan dari arah Pauh Lima, Bachok.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar, berkata lori itu ditahan di Peringat selepas pihaknya mengekor kenderaan itu selama kira-kira 20 minit.

"Pemeriksaan lanjut dalam kenderaan itu menjumpai 2,720kg minyak masak peket bersubsidi dengan anggaran nilai RM6,800.

"Pemandunya gagal mengemukakan sebarang dokumen, lesen, maklumat atau resit sebagai pemilik barang kawalan itu se-

perti diarahkan pasukan mengikut Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

### Hantar ke stor transit

Aswadi berkata, pihaknya mengesyaki barang kawalan itu akan dihantar ke stor transit sementara di sekitar sempadan sebelum diseledup masuk ke negara jiran melalui pangkalan haram.

Katanya, pemandu dan kelindan, masing-masing berusia 40-an dan 50-an ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki memiliki barang kawalan tanpa lesen dengan niat melakukan kesalahan.

"Kami tidak berkompromi dengan mana-mana individu atau peniaga yang melaunggar undang-undang atau disyaki terbabit aktiviti penyelewengan arang kawalan.

"Kita menjalin kerjasama dengan agensi berkaitan menerusi operasi bersepodu bagi mengelang ketirisan barang kawalan di kawasan sempadan," katanya.

## Isi minyak dalam tangki diubah suai

**SEBERANG PERAI** – Dua pemandu lori warga tempatan ditahan bersama kira-kira 17,200 liter minyak diesel bersubsidi dalam satu serbuan di sebuah stesen minyak di Nibong Tebal di sini pagi kelmarin.

Serbuan kira-kira pukul 7 pagi itu melibatkan empat pegawai penguat kuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang susulan satu risikan serta maklumat yang diterima.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, A. Mogan berkata, seorang daripada pemandu lori itu yang membawa lori tangki telah mengisi sebanyak 16,000 liter minyak diesel, manakala seorang pemandu lagi yang membawa lori jenis ‘bonded’ dikesan telah mengisi 1,200 liter minyak yang sama ke dalam lorinya ketika diserbu.

Katanya, siasatan mendapati, lori tangki berjenama Hino itu mempunyai tangki berkapa-

siti 17,000 liter, manakala lori ‘bonded’ seberat tujuh tan pula mempunyai enam tangki fiber berkapasiti 1,000 liter setiap satu yang diubah suai di dalam lori berkenaan.

“Secara keseluruhannya juga, anggaran nilai rampasan ke atas barang sitaan adalah sebanyak RM148,800 dan jumlah ini termasuk dua lori tersebut beserta enam unit tangki fiber, satu unit mesin pam motor dan dua unit hos paip,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mogan berkata, kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama untuk individu.

Ujarnya lagi, bagi kesalahan kedua dan seterusnya pula, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.



SEORANG anggota penguat kuasa KPDNHEP memeriksa minyak diesel bersubsidi yang dirampas di Nibong Tebal kelmarin.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 8



TIGA lori dengan muatan diesel bersubsidi ditahan pasukan operasi KPDNHEP di Kampung Biah, Keningau. - Gambar NSTP/IHSAN KPDNHEP



TIGA lori membawa muatan diesel bersubsidi disita di Kampung Biah, Keningau.

## Diserbu ketika pindah diesel

**Kota Kinabalu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah menumpaskan satu sindiket penyelewengen diesel bersubsidi selepas merampas 5,000 liter bahan api itu yang bernilai RM128,750 pada serbuan di Kampung Biah, Keningau dekat sini, jam 7.45 pagi kelmarin.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Georgie Abas berkata, diesel terbabit dibawa dengan menggunakan lori tangki selain diisi dalam tong dram.

"Ketika serbuan, seorang anggota sindiket sedang

**5,000L**  
Bahan api bernilai  
RM128,750 diampos  
dalam serbuan

memindahkan diessel itu. Dia juga gagal untuk mengemukakan dokumen kebenaran dan lesen sah bagi menyimpan barang kawalan di lokasi berkenaan.

"Lelaki terbabit kemudian ditahan untuk direkodkan keterangan," katanya pada kenyataan semalam.

Menurut Georgie, die-

dijual kepada pihak industri.

"Selain diesel, kami turut menyita tiga lori dan peralatan yang digunakan untuk menyeleweng bahan api berkenaan," katanya.

Georgie berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 serta Seksyen 20(1) akta sama.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penyelewengen diesel bersubsidi boleh masyarakatnya melalui WhatsApp di talian 019-2794317 atau 019-8488000.

FOLLOWING TIP-OFF

# 17,200 LITRES OF SUBSIDISED FUEL SEIZED

Syndicate buys subsidised fuel at petrol stations and sells it to the industry at higher price

AUDREY DERMAWAN  
**NIBONG TEBAL**  
audreymd@nst.com.my

The Penang branch of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry foiled an attempt to misappropriate subsidised diesel by seizing 17,200 litres during a raid on a tanker and bonded lorries here on Tuesday.

Penang ministry chief enforcement officer A. Mogan said a team of enforcement officers conducted the raid about 7am following a tip-off and week-long surveillance.

He said the team initially tailed the bonded lorry, which had bought subsidised diesel from petrol stations in the state, before the vehicle drove to a residential area.

"During the raid, our team found a tanker lorry with a 17,000-litre tank capacity and the seven-tonne bonded lorry.

"Checks inside the bonded lorry led to the discovery of six fibre tanks with a 1,000-litre capacity each, which had been modified.

"Further checks on the tanker lorry found 16,000 litres of sub-



An officer inspecting one of the confiscated lorries from a raid in a residential area on Tuesday. PIC COURTESY OF PENANG DOMESTIC TRADE AND CONSUMER AFFAIRS MINISTRY

sidised diesel inside and the bonded lorry was filled with 1,200 litres of subsidised diesel."

Mogan said two lorry drivers, both in their 50s, had been detained to assist investigations into the case.

"We believe the syndicate had bought the subsidised diesel from petrol stations in the state before the fuel was sold to the

industry at a higher price.

"The role of the bonded lorry (driver) is to buy the subsidised diesel before transferring it to the tanker lorry in a residential area," he added.

Mogan said they also seized the two lorries, six units of fibre tanks, one pumping machine and two units of pipe hoses, all worth RM148,800.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 10



*The authorities inspecting the confiscated cooking oil in polybags. PIC COURTESY OF DOMESTIC TRADE AND CONSUMER AFFAIRS MINISTRY*

#### SMUGGLING INTO THAILAND

## Two nabbed for possessing RM68,000 worth of cooking oil

**KOTA BARU:** A lorry driver and his attendant were detained for possessing 2,720kg of 1kg cooking oil polybags worth RM68,000 believed to be for smuggling into Thailand.

The two were arrested in a joint operation on Tuesday between the Kelantan Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Third Region Marine police.

State ministry chief enforcement officer Aswadi Jaafar yesterday said the authorities conducted Op Landai/Op Contraband to combat leaks of the controlled item.

He said the team stopped the lorry about 3.20pm on Tuesday.

"The lorry was heading for Peringat from Pauh Lima when it was stopped.

"Upon checking, officers discovered 2,720kg of subsidised 1kg

cooking oil in polybags.

"They detained the lorry driver and his attendant. The lorry, valued about RM15,000, was seized," he said.

Aswadi said they suspected that the cooking oil was supposed to be smuggled into Thailand through an illegal jettty.

"Investigations are being carried out to track down the original owner of the vehicle and the source of the controlled items."

He said the case was being investigated under the Control of Supplies Act 1961 and Control of Supplies Regulations 1974 for possessing controlled goods without a licence.

Aswadi added that operations with border enforcement agencies would be carried out from time to time to curb smuggling.

## Premis nasi ayam dan itik tiada sijil halal

**GEORGE TOWN** – Premis menjual nasi ayam dan itik di Sungai Ara di sini yang didakwa mengambil bekalan dari sebuah kedai bukan Islam yang disahkan tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Mohd. Hanif Omar @ Wahab berkata, pemilik premis berkenaan telah dinasihatkan untuk memohon SPHM daripada pihak JHRAIPP.

"Hasil siasatan JHEAIPP pada Isnin lalu mendapati, kedai nasi ayam dan itik di Sungai Ara yang dimiliki seorang lelaki Muslim tidak dibuka.

"Siasatan lanjut mendapati pemiliknya juga turut memiliki restoran nasi ayam dan itik di sebuah pusat beli-belah di sini, dan di situ dia (pemilik premis nasi ayam Sungai Ara) berkongsi perniagaan bersama seorang lelaki bukan Islam.

"Hasil siasatan JHEAIPP bersama Bahagian Penguat kuasa

KPDNHEP mendapat, makanan yang dimasak di premis di pusat beli-belah ini turut dibawa untuk dijual di kedainya di Sungai Ara dan kedua-dua premis ini tidak memiliki SPHM," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai dakwaan peniaga Muslim di Sungai Ara yang mengambil bekalan ayam dan itik di kedai peniaga bukan Islam sehingga mencetuskan rasa tidak puas hati dan dalam kalangan pengguna Muslim terutama pelanggan tetap.

Rata-rata pelanggan merasakan yang mereka telah dianiaya oleh umat sendiri selain sanggup bertindak sedemikian semata-mata mahu mendapatkan pendapatan lumayan.

Bagaimanapun, peniaga berkenaan telah tampil menjelaskan situasi tersebut dan menafikan bahawa mereka telah mengambil bekalan nasi ayam dan nasi itik itu di kedai peniaga bukan Muslim.



KEDAI nasi ayam dan itik yang mencetuskan kontroversi di Sungai Ara, George Town baru-baru ini.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 18/08/2022  
M/SURAT : 1

New fuel prices	
Aug 18 – Aug 24	
<b>RON95</b>	<b>RM2.05</b>
	(unchanged)
<b>RON97</b>	<b>RM4.35</b>
	(-5 sen)
<b>DIESEL</b>	<b>RM2.15</b>
	(unchanged)

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **KHAMIS**  
TARIKH : **18/08/2022**  
M/SURAT : **16**



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM7.49
- Daging Lembu Tempatan RM36
- Daging Lembu Import RM51.99

- Telur Gred A RM13.49
- Ikan Kembung RM14.80
- Minyak Masak RM6.70

- Gula Pasir RM2.85
- Bawang Besar Holland RM3.90
- Bawang Putih RM4.99

- Cili Merah RM12
- Kubis Bulat Tempatan RM5
- Tepung Gandum RM2.60

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Aug	Kempen Kopi Merdeka Bersama Tealive	<a href="https://malaysiagazette.com/2022/08/17/kempen-kopi-merdeka-bersama-tealive/">https://malaysiagazette.com/2022/08/17/kempen-kopi-merdeka-bersama-tealive/</a>	MALAYSIAGAZETTE
18-Aug	KABINET PUTUSKAN EKSPORT AYAM HARI INI	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/989483/kabinet-putuskan-eksport-ayam-hari-ini">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/989483/kabinet-putuskan-eksport-ayam-hari-ini</a>	BH
18-Aug	DECISION CHICKEN EXPORT BAN WILL BE OUT TODAY	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2022/08/823124/decision-chicken-export-ban-will-be-out-today">https://www.nst.com.my/news/nation/2022/08/823124/decision-chicken-export-ban-will-be-out-today</a>	NST
18-Aug	Decision today on whether to lift poultry export ban	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/08/17/decision-today-on-whether-to-lift-poultry-export-ban/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/08/17/decision-today-on-whether-to-lift-poultry-export-ban/</a>	FMT
18-Aug	Kabinet putuskan larangan eksport ayam ditarik atau kekal hari ini	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/08/17/kabinet-putuskan-larangan-eksport-ayam-ditarik-atau-kekalkhariini/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/08/17/kabinet-putuskan-larangan-eksport-ayam-ditarik-atau-kekalkhariini/</a>	FMT
18-Aug	Peniaga nasi ayam tular tidak bersalah – KPDNHEP	<a href="https://malaysiagazette.com/2022/08/17/peniaga-nasi-ayam-tular-tidak-bersalah-kpdnhep/">https://malaysiagazette.com/2022/08/17/peniaga-nasi-ayam-tular-tidak-bersalah-kpdnhep/</a>	MALAYSIAGAZETTE
18-Aug	LIMA BARANG KEPERLUAN ASAS JENAMA COOP DIJUAL LEBIH MURAH PADA JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA SELANGOR	<a href="https://dagangnews.com/index.php/lima-barang-keperluan-asas-jenama-coop-dijual-lebih-murah-pada-jelajah-aspirasi-keluarga-malaysia-selangor-18338">https://dagangnews.com/index.php/lima-barang-keperluan-asas-jenama-coop-dijual-lebih-murah-pada-jelajah-aspirasi-keluarga-malaysia-selangor-18338</a>	DAGANGNEWS
18-Aug	2.72 tan minyak masak paket dirampas	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/muta-khir/2022/08/872426/272-tan-minyak-masak-paket-dirampas">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/muta-khir/2022/08/872426/272-tan-minyak-masak-paket-dirampas</a>	HM
18-Aug	KPDNHEP Kelantan rampas 2,720 kilogram minyak masak paket bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/08/989456/lori-bawa-2720kg-minyak-paket-bersubsidi-ditahan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/08/989456/lori-bawa-2720kg-minyak-paket-bersubsidi-ditahan</a>	BH

18-Aug	KPDNHEP Kelantan rampas 2,720 kilogram minyak masak paket bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.airtimes.my/2022/08/17/kpdnhep-kelantan-rampas-2720-kilogram-minyak-masak-paket-bersubsidi/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.airtimes.my/2022/08/17/kpdnhep-kelantan-rampas-2720-kilogram-minyak-masak-paket-bersubsidi/amp/</a>	AIRTIMES
18-Aug	Dua lelaki cuba seludup 2,720 kg minyak masak peket dicekup	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/dua-lelaki-cuba-seludup-2720-kg-minyak-masak-peket-dicekup/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/dua-lelaki-cuba-seludup-2720-kg-minyak-masak-peket-dicekup/</a>	UM
18-Aug	2.72 tan minyak masak paket bersubsidi dirampas	<a href="https://www.google.com/amp/s/malay-siapost.com.my/2022/08/17/2-72-tan-minyak-masak-paket-bersubsidi-dirampas/%3ffclid=IwAR2TN9tV2OPJcUM3apftFIH_kqqPRaAn3lgv09fNu_jP34SdLp0IXpUAafQ&amp;amp">https://www.google.com/amp/s/malay-siapost.com.my/2022/08/17/2-72-tan-minyak-masak-paket-bersubsidi-dirampas/%3ffclid=IwAR2TN9tV2OPJcUM3apftFIH_kqqPRaAn3lgv09fNu_jP34SdLp0IXpUAafQ&amp;amp</a>	MALAYSIAPOST
18-Aug	2,720 kg minyak masak bersubsidi disita	<a href="https://www.journalmalaysia.com/2022/08/17/2720-kg-minyak-masak-bersubsidi-disita/">https://www.journalmalaysia.com/2022/08/17/2720-kg-minyak-masak-bersubsidi-disita/</a>	JOURNALMALAYSIA
18-Aug	Two nabbed for misappropriation of subsidised diesel	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/08/823076/two-nabbed-misappropriation-subsidised-diesel">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/08/823076/two-nabbed-misappropriation-subsidised-diesel</a>	NST
18-Aug	Sindiket beli diesel di stesen minyak sekitar Pulau Pinang tumpas	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-beli-diesel-di-stesen-minyak-sekitar-pulau-pinang-tumpas-376497%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-beli-diesel-di-stesen-minyak-sekitar-pulau-pinang-tumpas-376497%3famp=1</a>	ASTROAWANI
18-Aug	KPDNHEP P.PINANG TUMPAS KEGIATAN SELEWENG DIESEL	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2111741">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2111741</a>	BERNAMA
18-Aug	Dua pemandu lori ditahan seleweng diesel bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/216815">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/216815</a>	SH
18-Aug	Dua ditahan, cuba seludup diesel bersubsidi	<a href="https://my-tv.online/2022/08/17/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi/">https://my-tv.online/2022/08/17/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi/</a>	MyTVONLINE

18-Aug	Dua ditahan, cuba seludup diesel bersubsidi	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi">https://www.buletintv3.my/jenayah/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi</a>	BULETINTV3
18-Aug	5,000 liters of subsidised diesel seized in Keningau	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.theborneopost.com/2022/08/17/5000-liters-of-subsidised-diesel-seized-in-keningau/%3famp">https://www.google.com/amp/s/www.theborneopost.com/2022/08/17/5000-liters-of-subsidised-diesel-seized-in-keningau/%3famp</a>	THEBORNEOPOST
18-Aug	Lelaki leka seleweng barang kawalan bernilai RM128,750 ditahan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/17/lelaki-leka-seleweng-barang-kawalan-bernilai-rm128750-ditahan">https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/17/lelaki-leka-seleweng-barang-kawalan-bernilai-rm128750-ditahan</a>	UTUSANBORNEO
18-Aug	Dua ditahan, cuba seludup diesel bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872364/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872364/dua-ditahan-cuba-seludup-diesel-bersubsidi</a>	HM
18-Aug	Syamsul, FINAS bertemu lerai isu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebriti/2022/08/989385/syamsul-finas-bertemu-lerai-isu">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebriti/2022/08/989385/syamsul-finas-bertemu-lerai-isu</a>	BH
18-Aug	KPDNHEP jalankan siasatan lanjut premis nasi ayam tular	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/08/17/kpdnhep-jalankan-siasatan-lanjut-premis-nasi-ayam-tular/">https://www.kosmo.com.my/2022/08/17/kpdnhep-jalankan-siasatan-lanjut-premis-nasi-ayam-tular/</a>	KOSMO
18-Aug	KPDNHEP akan siasat lanjut premis nasi ayam tular	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/kpdnhep-akan-siasat-lanjut-premis-nasi-ayam-tular/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/kpdnhep-akan-siasat-lanjut-premis-nasi-ayam-tular/</a>	UM
18-Aug	Chicken rice issue: Ministry probes food stalls without halal cert	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/chicken-rice-issue-ministry-probes-food-stalls-without-halal-cert">https://www.theedgemarkets.com/article/chicken-rice-issue-ministry-probes-food-stalls-without-halal-cert</a>	THEEDGE MARKETS
18-Aug	Tealive beri 10,000 cawan kopi percuma	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2022/08/989630/tealive-beri-10000-cawan-kopi-percuma">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2022/08/989630/tealive-beri-10000-cawan-kopi-percuma</a>	BH
18-Aug	Tealive offers free signature coffee to first 10,000 customers under Merdeka campaign	<a href="https://www.nst.com.my/business/2022/08/823192/tealive-offers-free-signature-coffee-first-10000-customers-under-merdeka">https://www.nst.com.my/business/2022/08/823192/tealive-offers-free-signature-coffee-first-10000-customers-under-merdeka</a>	NST
18-Aug	KPDNHEP Pandang Serius Isu Peniaga Nasi Itik Dari Sumber Restoran Tidak Halal	<a href="https://youtu.be/Pd0WdlsoiPY">https://youtu.be/Pd0WdlsoiPY</a>	MALASYIAGA-ZETTETV

18-Aug	Empat kedai di pekan Debak dikompaun	<a href="https://sarawak-voice.com/2022/08/17/empat-kedai-di-pekan-debak-dikompaun/">https://sarawak-voice.com/2022/08/17/empat-kedai-di-pekan-debak-dikompaun/</a>	SARAWAKVOICE
18-Aug	Kerajaan belum putuskan kebenaran eksport ayam	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/08/17/kerajaan-belum-putuskan-kebenaran-eksport-ayam/">https://www.kosmo.com.my/2022/08/17/kerajaan-belum-putuskan-kebenaran-eksport-ayam/</a>	KOSMO
18-Aug	KPDNHEP Kelantan sita 2.72 tan minyak masak bersubsidi	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/17/kpdnhep-kelantan-sita-2-72-tan-minyak-masak-bersubsidi/">https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/17/kpdnhep-kelantan-sita-2-72-tan-minyak-masak-bersubsidi/</a>	HARAKAHDAILY
18-Aug	KPDNHEP Kelantan sita 2.72 tan minyak masak bersubsidi	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2111899&amp;utm_source&gt;Newswav&amp;utm_medium=Website">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2111899&amp;utm_source&gt;Newswav&amp;utm_medium=Website</a>	BERNAMA
18-Aug	KELANTAN KPDNHEP SEIZE 2.72 TONNES OF SUBSIDISED COOKING OIL	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2111874">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2111874</a>	BERNAMA
18-Aug	KPDNHEP SABAH RAMPAS 5,000 LITER DIESEL BERSUBSIDI DISELEWENG	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.borneotoday.net/kpdnhep-sabah-rampas-5000-liter-diesel-bersubsidi-diseleweng/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.borneotoday.net/kpdnhep-sabah-rampas-5000-liter-diesel-bersubsidi-diseleweng/amp/</a>	BORNEOTODAY
18-Aug	2.72 tan minyak masak subsidi disita	<a href="https://satuberita.my/index.php/2022/08/17/2-72-tan-minyak-masak-subsidi-disita/">https://satuberita.my/index.php/2022/08/17/2-72-tan-minyak-masak-subsidi-disita/</a>	SATUBERITA